

**FAKTOR-FAKTOR PENGABAIAAN SOLAT FARDHU:
CADANGAN PENAMBAIKAN MODUL SOLAT**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**NADYAH HASHIM
ROHAYA SULAIMAN
SHARIFAH ANOM OMAR**

APRIL 2013

ISI KANDUNGAN

	<i>halaman</i>
SURAT PENYERAHAN LAPORAN	ii
AHLI KUMPULAN PROJEK	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBARAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
ABSTRAK	xii
BAB I PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Penyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Batasan Kajian	6
1.5 Huraian Istilah	7
1.5.1 Solat	7
1.6 Kajian Literatur	7
BAB II TINJAUAN KAJIAN	
2.0 Pendahuluan	11
2.1 Definisi Solat	11

ABSTRAK

Solat adalah rukun Islam kedua yang wajib dilaksanakan oleh semua muslim lelaki dan perempuan setelah melafazkan pengakuan tauhid iaitu ucapan dua kalimah syahadah. Terdapat banyak ayat Al-Quran dan Hadis yang menerangkan mengenai keutamaan dan kepentingan ibadah solat ini. Sesungguhnya, solat itu bukan sahaja dianggap sebagai rukun Islam tetapi juga merupakan tiang agama yang menjadi tonggak terhadap keutuhan agama Islam itu sendiri selain membawa maksud tiang agama bagi diri seseorang Muslim. Sekiranya salah satu ibadah solat telah ditinggalkan dalam sehari, maka tempanglah agama seseorang itu. Telah banyak modul-modul solat dijalankan dan tidak kurang penekanan mengenai kepentingan solat yang telah disampaikan di dalam pengajaran dan pembelajaran namun masalah pengabaian solat ini masih lagi berlaku. Oleh itu kajian ini adalah untuk melihat faktor-faktor pengabaian solat dan sekaligus mencadangkan penambahbaikan terhadap modul-modul yang sedia ada supaya keberkesanannya lebih memberi impak yang positif kepada peserta. Data yang diperolehi dari soal selidik telah dianalisis melalui perisian 'Statistical Package of the Social Sciences' (SPSS). Hasilnya, satu penambahbaikan modul telah dibina untuk membantu penambahan kefahaman dan penghayatan terhadap ibadah solat fardhu.

BAB I

Pengenalan

1.0 Latar Belakang Kajian

Solat merupakan ibadah utama yang sangat dititikberatkan oleh Islam jika dibandingkan dengan ibadah-ibadah yang lain. Ia adalah rukun Islam kedua yang wajib dilaksanakan oleh semua muslim lelaki dan perempuan setelah melafazkan pengakuan tauhid iaitu ucapan dua kalimah syahadah. Terdapat banyak ayat Al-Quran dan Hadis yang menerangkan mengenai keutamaan dan kepentingan ibadah solat ini (Syeikh Hadith Maulana Muhammad & Zakaria al-Kandhalawi, 2003). Sesungguhnya, solat itu bukan sahaja dianggap sebagai rukun Islam tetapi juga merupakan tiang agama yang menjadi tonggak terhadap keutuhan agama Islam itu sendiri selain membawa maksud tiang agama bagi diri seseorang Muslim. Sekiranya salah satu ibadah solat telah ditinggalkan dalam sehari, maka tempanglah agama seseorang itu (Hasan Muhammad al-Khairun, 2005). Solat juga merupakan salah satu kayu pengukur bagi menentukan ketulenan keislaman seseorang muslim yang melaksanakan ibadah itu dengan penuh sempurna menurut tuntutan-tuntutan yang telah disyariatkan. Melalui pelaksanaan solat, ia dapat membezakan seseorang itu di antara muslim dan kafir. Ini memandangkan kerana solat merupakan salah satu komponen penting dalam kategori tauhid uluhiyyah (Ahmad Syafi'i Khatib, 2005).

Solat telah difardhukan sebanyak lima kali sehari semalam iaitu subuh, zohor, asar, maghrib dan isyak. Ia merupakan satu-satunya ibadah yang diturunkan oleh Allah SWT

BAB II

TINJAUAN KAJIAN

2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membentangkan kajian-kajian yang berkaitan dengan ibadah solat. Ini akan dapat mengukuhkan kefahaman pembaca mengenai kajian ini. Antara skop yang akan dibincangkan ialah definisi solat, kepentingan solat, kesempurnaan solat, kesan solat terhadap individu pelajar dan rumusan tinjauan kajian.

2.1 DEFINISI SOLAT

2.1.1 BAHASA

Menurut Ibn Manzur (t.th) di dalam karangannya *Lisan al-Ārab*, solat bermaksud doa dan memohon *istighfar* (keampunan). Manakala Al-Zujjaj mengatakan bahawa maksud bagi kata dasar solat ialah keperluan. Ini membawa maksud apabila sesuatu itu menjadi wajib. Dalam kata lain, ia tidak menjadi terpisah atau dapat memisahkan sesuatu. Sementara itu bagi maksud *musalli* ialah seekor kuda yang berada dalam kedudukan kedua di dalam perlumbaan. Ia menjejaki atau mengikuti kuda pertama yang berada di hadapannya. Seterusnya makna bagi perkataan *sal'ya* ialah daging bakar atau panggang atau sesuatu yang dibakar atau dipanggang. Solat juga bermaksud menghangatkan tangan seseorang. Selain itu, ia bermaksud memutar atau memintal sesuatu untuk menjadikannya lembut atau lurus.